

# PM minta kerjasama korporat cegah rasuah

BH-7/10/2004: 2 Perdana

Oleh Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan sektor korporat bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab sosial memerangi gejala rasuah terutama ketika melaksanakan transaksi perniagaan.

Perdana Menteri berkata, selain kerajaan, sektor korporat adalah antara pemain utama membanteras gejala rasuah kerana mereka adalah enjin dalam meningkatkan kepercayaan bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, tidak ada inisiatif antirasuah yang dapat dilaksanakan dengan berkesan jika masyarakat perniagaan di negara ini tidak bersama kerajaan memerangi gejala itu.

"Saya, seperti anda semua mahu melihat masyarakat korporat menjadi makmur. Saya cukup percaya ia bukan saja membabitkan integriti nasional, malah prospek ekonomi jangka panjang bergantung bagaimana ketua korporat menjalankan perniagaan dengan telus dan jujur.

"Kepentingan ekonomi kita juga bergantung kepada bagaimana rakan perniagaan, khususnya institusi pelaburan antarabangsa melihat piawai etika tingkah laku kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis makan malam mengutip derma dan menyampaikan ucapan bertemakan Sektor Korporat Mementang Rasuah, anjuran Masyarakat Ketelusan dan Integriti Kuala Lumpur (KLSTI), di Hotel Mandarin Oriental, di sini malam tadi.

Abdullah turut melancarkan Integriti Muda Malaysia Tan Sri Azizan Zainul Abidin sebagai mengenang jasa tokoh korporat berkenaan meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda terhadap nilai kejujuran dan integriti.

Turut hadir Presiden KLSTI, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim dan pengerusi jawatankuasa majlis makan malam mengutip derma,



ABDULLAH menunjukkan cenderamata yang diterima daripada Tunku Abdul Aziz (kiri) sambil diperhatikan Taha (dua dari kanan) dan Naib Presiden Oil Business Petronas, Datuk Anuar Ahmad pada majlis makan malam anjuran Masyarakat Ketelusan dan Integriti Kuala Lumpur (KLSTI), di Hotel Mandarin Oriental, malam tadi. - Gambar oleh Hasan Ismail

Datuk Taha Ariffin.

Abdullah berkata, persepsi tepat atau salah tingkah laku sektor korporat ditentukan sama ada pelaburan langsung asing (FDI) masuk ke negara ini atau sebaliknya.

Beliau berkata, dalam ekonomi global, harapan terhadap piawai tingkah laku masyarakat awam dan korporat adalah lebih tinggi dan semua pihak perlu seiring menanganinya.

"Saya yakin sektor korporat Malaysia sudah mencapai tahap matang untuk berhenti berfikir bahawa kejayaan terletak sepenuhnya kepada nilai ringgit dan sen, tetapi

juga dinilai kepada darjah komitmen dan sumbangan mereka kepada negara," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata, beliau mengalu-alukan sebarang inisiatif dan cadangan daripada sektor korporat bagi meningkatkan ketelusan dan pertanggungjawaban dalam setiap urusan perniagaan.

Abdullah berkata, kerajaan akan sentiasa berusaha melaksanakan yang terbaik bagi menyediakan persekitaran kondusif, adil serta transaksi perniagaan yang telus.

Beliau berkata, kerajaan turut memperkenalkan beberapa kaedah

peraturan bagi mengekang gejala rasuah seperti pentadbiran korporat yang baik, undang-undang antirasuah serta menubuhkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) serta tender terbuka bagi bersaing secara telus.

"Namun, bagaimana baiknya institusi, kerangka undang-undang dan peraturan yang diadakan, ia hanya dapat mengekang sebahagian kecil daripada matlamat penubuhannya jika seseorang yang diamanahkan melaksanakan tugas tidak mempunyai nilai yang sewajarnya," katanya.

Sehubungan itu, katanya, beberapa pihak lain di negara ini terutama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), seperti KLSTI boleh berfungsi memastikan rasuah dapat dibanteras hingga ke peringkat akar umbi.

Sementara itu, katanya, sejak beberapa tahun lalu, Malaysia menunjukkan kemajuan menangani gejala rasuah berdasarkan Indeks Persepsi Rasuah Ketelusan Antarabangsa.

Beliau berkata, Malaysia memperbaiki kedudukannya daripada tangga ke-32 daripada 102 negara pada 2002 kepada tangga ke-28 daripada 133 negara pada tahun lalu.